

EDITOR : MOHAMAD FAHMI B.AMAT EASAN | GRAFIK : MOHD RAQIF BIN SAAT | FOTOGRAFI : MOHAMAD RAQIF BIN SAAT | SYED MUHAMMAD HILMI BIN SYED YAHYA

utmspace.edu.my

OKT-DIS 2021

EDISI 58



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH DEKAN DAN HADIAH UTMSPACE SEMPENA KONVOKESYEN KE-64 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pada 12 Disember 2021, sempena Majlis Konvokesyen ke-64 Universiti Teknologi Malaysia, UTMSPACE telah menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Dekan dan Hadiah UTMSPACE di Dewan Kencanapuri, Pulai Spring Resort Johor.

Dalam majlis tersebut seramai 133 graduan telah menerima Anugerah Dekan dan daripada jumlah tersebut seramai 52 graduan menerima Hadiah Akademik UTMSPACE.

UTMSPACE juga turut menyediakan anugerah khas bagi graduan cemerlang dimana 22 graduan telah menerima Hadiah Khas UTMSPACE bagi kategori Suami-Isteri, 13 graduan menerima Hadiah Khas bagi kategori Adik-beradik dan 2 graduan telah menerima Hadiah Khas bagi kategori Orang Kelainan Upaya (OKU). Anugerah telah disampaikan oleh Yang Berusaha Profesor Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE kepada graduan yang berjaya.

Secara keseluruhan seramai 1129 graduan telah menamatkan pengajian mereka bagi sesi Konvokesyen ke-64 UTM kali ini. Mereka adalah terdiri daripada 42 graduan Program Diploma separuh masa dan 1087 graduan Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM.

Penggal	Bidang	Takrif/Sekolah	Jumlah
Sarjana Muda	Kejuruteraan, PETRONAS, STD	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKAW)	375
		Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)	125
		Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)	118
		Sekolah Kejuruteraan Komunikasi dan Enjiniria (SKKE)	75
		Sekolah Kejuruteraan Bioproses dan Sains Kimia (SKBSK)	12
		Sekolah Kejuruteraan (SK)	151
		Total	UTM - Japan International Institute of Technology (JUIT)
Sarjana Muda	Teknologi dan Sains	Universiti Teknologi dan Inovasi Kreatif (UTIK)	—
		Fakulti Sains (FS)	5
		Fakulti Alami (FA)	137
		Sekolah Pengurusan (SP)	75
		Sekolah Pengurusan Sumber Manusia dan Psichologi (SPSMP)	97
Sarjana Sosial	Fakulti Sosial-Sosial dan Kemanusiaan (FSK)	Akademik Tarbiyah Islam (ATI)	—
		Akademik Bahasa (AB)	—
		Sekolah Pengajian Ammaliyah dan Amanah (SPAA)	115
		Sekolah Pengajian Profesional dan Pendidikan Difektif (SPPD)	47
		Jumlah	1,129



LAWATAN PRA-VALIDASI KE PREMIS KOMPAS INTERNATIONAL COLLEGE

Lawatan Pra-Validasi ke permis Kompas International College telah dilaksanakan pada 11 November 2022. Lawatan ini merupakan salah satu syarat tambahan untuk sesebuah kolej kerjasama baharu yang ingin mengadakan program kerjasama akademik samada untuk program Diploma, Sarjana Muda mahupun program dibawah seliaan SPACE UTM bersama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Para perwakilan yang terdiri daripada Pengurus Besar PPK dan Penolong Eksekutif Kanan PPK telah menyertai lawatan validasi ini.

Ia adalah untuk memeriksa dan melihat kepada kelengkapan infrastruktur keseluruhan pada kolej tersebut. Lawatan susulan akan diadakan bagi pembentangan profil kolej, pengauditan lokasi dan proses validasi.





LAWATAN PRA-VALIDASI KE PREMIS KOLEJ ANTARABANGSA DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM (KADMDI)

Perwakilan daripada Pusat Pengajian Kerjasama UTMSPACE telah mengadakan lawatan Pra-Validasi ke Premis Kolej Antarabangsa Dunia Melayu Dunia Islam (KADMDI) di Ayer Keroh, Melaka, pada 26 November 2021. Lawatan ini merupakan salah satu syarat tambahan untuk sesebuah kolej kerjasama baharu yang ingin mengadakan program kerjasama akademik samada untuk program diploma, sarjana muda mahupun program dibawah seliaan SPACE UTM bersama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).


Para perwakilan yang terdiri daripada Pengurus Besar PPK dan Penolong Eksekutif Kanan PPK telah menyertai lawatan validasi ini. Ia adalah untuk memastikan kelengkapan infrastruktur keseluruhan pada kolej tersebut adalah lengkap dan di dalam keadaan yang sempurna. Lawatan susulan akan diadakan bagi pembentangan profil kolej, pengauditan lokasi dan proses validasi.



PERLAKSANAAN PROGRAM OLEH PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN BAGI BULAN OKTOBER – DISEMBER 2021

Pusat Pendidikan Berterusan, Pejabat Pembelajaran Sepanjang Hayat UTMSPACE telah menganjurkan sebanyak 240 program sepanjang 2021. Seramai 23,103 orang peserta/pelajar telah mengikuti program yang merangkumi pelbagai bidang dan kemahiran. Berikut adalah pecahan program dan peserta :

Bil.	Program	Program	Peserta/Pelajar
1.	Kursus Pendek	109	3666
2.	Seminar/Persidangan	12	1210
3.	UTM Professional Skills Certificate (Pelajar UTM)	21	13439
4.	MUET	4	888
5.	Sijil Profesional	19	247
6.	Diploma Profesional	65	3097
7.	Sarjana Muda Profesional	4	36
8.	Sarjana Profesional	6	520
JUMLAH			23103



MAJLIS PENYAMPAIAN PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL UTMSPACE 2021

Majlis Penyampaian Program Eksekutif dan Profesional UTMSPACE 2021 bersempena Majlis Konvokesyen Ke-64 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (MK64) telah meraikan 1,857 orang graduan yang terdiri daripada 249 graduan Diploma Eksekutif dan 31 graduan Sarjana Profesional dan Diploma Profesional Pascasiswazah serta 1,577 Diploma Profesional daripada 32 buah Rakan Kerjasama.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail, Naib Canselor UTM bagi sesi penyampai skrol kepada graduan. Turut hadir juga adalah Yang Berusaha Profesor Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE.

Majlis turut menyaksikan kehadiran Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Johor dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Noh bin Ibrahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan).

Mengambil kira besarnya erti sebuah konvokesyen kepada seseorang graduan, Majlis Penyampaian Program Eksekutif dan Profesional UTMSPACE 2021 ini telah berlangsung pada 20 Disember 2021, bertempat di Dewan Sultan Iskandar (DSI), UTM Johor Bahru. Julung kalinya ia diadakan setelah majlis tersebut tertangguh berikutan pandemik Covid-19.

Bagi sesi pada kali ini majlis dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dengan hanya graduan sahaja yang dibenarkan hadir dan masuk ke dewan untuk sesi konvokesyen. Berikutan dengan itu juga, pihak universiti tidak mengadakan sesi perarakan graduan masuk ke dalam Dewan Sultan Iskandar sebagaimana lazimnya dilakukan terdahulu. Setiap graduan perlu menjalankan sesi saringan kesihatan kendiri seperti bacaan suhu, sanitasi tangan dan hanya graduan yang berstatus Risiko Rendah di paparan MySejahtera sahaja dibenarkan masuk ke dalam dewan dan terus ke tempat duduk masing-masing. Sesi sanitasi dewan turut juga dijalankan usai setiap sesi konvokesyen.

Memetik daripada teks ucapan Naib Canselor UTM, Program profesional yang dilaksanakan adalah relevan kepada keperluan modal insan semasa yang meliputi bidang-bidang penting teknologi seperti AI, Robotik, Teknologi dan sebagainya. Pelbagai program kerjasama akademik dijalankan khususnya dalam membangunkan modal insan yang mampu meraih kecemerlangan dalam setiap bidang yang diceburi. Ini juga mencerminkan usaha kreatif, strategik dan sinergi yang diambil oleh UTMSPACE dan pihak industri dalam memberi impak kepada produktiviti dan memberi nilai tambah kepada organisasi.

Beliau turut mengucapkan setinggi tahniah kepada semua graduan dan berharap mereka akan mencerahkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam perkhidmatan di alam pekerjaan kelak bagi meneruskan kegemilangan cendekiawan UTM. Lebih padu dilihat bahawa Majlis Konvokesyen ini menyaksikan kerjasama antara UTMSPACE dan Kerajaan Johor melalui Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor bagi menawarkan Program Diploma Profesional Pascasiswazah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah untuk kakitangan kerajaan negeri. Dalam acara konvokesyen kali ini, majlis turut menyaksikan perwakilan graduan anumerta yang tidak berkesempatan untuk menghadiri sesi konvokesyen tersebut dan mereka adalah Ghazali bin Lebai Idris dan Ragunathan A/L Folley.







THE 5TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON WATER RESOURCES 2021 (ICWR2021)

The 5th International Conference on Water Resources (ICWR2021) merupakan persidangan anjuran Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA), Fakulti Kejuruteraan UTM bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Buat pertama kalinya penganjuran persidangan kali kelima ini merupakan penganjuran yang dijalankan secara maya yang berlangsung pada 23–25 November 2021. ICWR2021 telah membuka peluang kepada kalangan peserta dan pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara untuk berkongsi hasil dapatan kajian, pengetahuan dan pengalaman mereka khususnya di dalam bidang sumber air.

Sebanyak 71 kertas kerja telah dibentangkan dan hasil daripada pembentangan tersebut telah menyumbang idea-idea baharu yang lebih inovatif dalam menghadapi situasi persekitaran di masa hadapan khususnya di Malaysia.

Ucapan perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air. Manakala Ucapan Penutupan disempurnakan oleh Prof. Dr. Norhazilan bin Md Noor, Pengurus SKA Fakulti Kejuruteraan UTM.

Berikut adalah barisan Pengucapama ICWR2021 iaitu:

- YBhg. Dato' Seri. Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air
- YBhg. Dato' Ir. Haji Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS
- Profesor Dr. Tetsuya Sumi, Kyoto University
- Prof. Madya Shamsuddin Shahid, SKA UTM
- Nor Zamri bin Sondor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)



INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON LIFELONG LEARNING 2021 (ISLLE2021)

The International Symposium on Lifelong Learning 2021 (ISLLE2021): "Creating Opportunities in a Global Pandemic" telah dilaksanakan secara bersama antara Pusat Pendidikan berterusan (PPB) dan Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Sumber Pembelajaran (BPSP) pada 14 Disember 2021 secara maya. Seramai 246 peserta telah menyertai symposium ini yang merupakan platform bagi perbincangan hasil penyelidikan, berkongsi pendapat, pengajaran dan pembelajaran serta operasi di UTMSPACE.

Selain itu, ia merupakan sebuah platform bagi mempromosikan inisiatif penyelidikan di kalangan staf UTMSPACE supaya memartabatkan UTMSPACE sebagai pusat kecemerlangan dalam pembelajaran sepanjang hayat. Para pembentang kertas kerja adalah mereka yang memperolehi Geran Penyelidikan UTMSPACE: Dana Pembangunan Berpotensi 2020 dan pelajar Professional Master in Construction Project Management.

Program ini dirasmikan oleh YBrs Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE yang juga salah seorang pengucapta ISLLE2021. Turut memeriahkan program ini adalah barisan Pengucapta berikut:

- YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Anuwar Ali, University of Cyberjaya
- YBhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR), UTM
- YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim, Azman Hashim International Business School (AHIBS), UTM
- Prof. Ahmed Doko Ibrahim, Ahmadu Bello University (ABU) Nigeria

Ucapan Penutupan telah disempurnakan oleh Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof, Pengarah Pembelajaran Sepanjang Hayat UTMSPACE.





UTMSPACE & TUDM PADU BERSAMA DALAM PENDIDIKAN

UTMSPACE telah menjalankan dua buah program professional bersama dengan Tentera Udara Diraja Malaysia pada tahun 2021 iaitu:

- Program Professional Certificate in Air Defence in Radar & Communication pada 20 – 31 Oktober 2021 di UTMSPACE Taman Universiti, Makmal Pemproses Isyarat Digital, SKE UTM dan TUDM Bukit Lunchu.
- Program Professional Certificate in Advances of Long Range Surveillance Radar & Wireless Data Link pada 20 – 31 Disember 2021 di Kem Tebrau dan Makmal Pemproses Isyarat Digital, SKE UTM.

Seramai 20 orang peserta dari seluruh kem TUDM serata Malaysia telah menyertai program-program yang disediakan. Barisan tenaga pengajar bagi kedua-dua program ini adalah dari kalangan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan UTM dan antaranya adalah :

- Profesor Dr. Jafri bin Din
- Prof. Madya Dr. Ahmad Zuri bin Sha'ameri,
- Prof. Madya Dr. Nor Hisham bin Haji Khamis



PROGRAM SIJIL PROFESIONAL

Pusat Pendidikan Berterusan telah melaksanakan pelbagai program di peringkat Sijil Profesional dan program-program tersebut ditawarkan ke syarikat-syarikat korporat dan organisasi di Malaysia di bawah Program PENJANA KPT - Career Advancement Program (KPT-CAP), Program Peningkatan Kemahiran Teknikal Lepasan Siswazah dan SPM 2020 serta Program Latihan Kemahiran Johor.

Bil.	Program	Tarikh
1.	Professional Certificate in Business Administration - PNB	23 Jul - 11 Dis
2.	Sijil Profesional Pengurusan Logistik - PENJANA KPT-CAP	20 Okt – 17 Nov
3.	Sijil Profesional Pengurusan Peruncitan - PENJANA KPT-CAP	20 Okt – 17 Nov
4.	Professional Certificate in Accelerating Retail Digital Marketing – Unit Strategik Modal Insan Johor	24 Okt - 14 Nov
5.	Sijil Profesional Perniagaan Peruncitan – Unit Strategik Modal Insan Johor	25 Okt - 3 Nov
6.	Sijil Profesional Pengurusan Logistik dan Penggudangan – Unit Strategik Modal Insan Johor	25 Okt - 3 Nov
7.	Professional Certificate in Ecommerce, Social & Live Commerce – Unit Strategik Modal Insan Johor	25 Okt - 14 Nov
8.	Professional Certificate in Business Analytics - MDEC	6 - 30 Dis





Desired State by 2025



AUDIT AKREDITASI PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL, PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM

Audit Akreditasi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Separuh Masa UTM telah dijalankan pada 1-2 November 2021 secara dalam talian. Audit ini merupakan penilaian secara berkala terhadap program akademik dalam memenuhi standard yang ditetapkan oleh MQA bagi memastikan pengekalan Akreditasi Penuh diberikan kepada program yang terlibat. Audit yang dijalankan secara lawatan maya melalui medium Webex ini telah dinilai oleh tiga orang panel penilai audit dari Lembaga Jurutera Malaysia. Agenda dimulakan dengan ucapan aluan oleh Prof. Sr. Dr. Hishamuddin Mohd Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTM dan disusuli dengan sesi soal jawab yang melibatkan staf sokongan, pelajar dan juga pemegang taruh yang berkaitan serta atur kerja pengurusan program.

Tiada direkodkan ketidakpatuhan (Nonconformance: NCR) hasil dri pada penilaian oleh PPA, namun terdapat beberapa peluang penambahbaikan (Opportunity for Improvement: OFI) yang dicadangkan bagi memantapkan lagi pengoperasian.



Cisco Webex Meetings Meeting Info Hide Menu Bar

Firdah Ab Ghani

dilaksanakan sama ada secara dalaman dan luaran seperti:

- (a) Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti
- (b) Audit Anugerah Kualiti Akademik UTM
- (c) Audit Anugerah Inovasi Perkhidmatan UTM
- (d) Audit Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan UTM
- (e) Audit Sistem Pengurusan Kualiti UTM
- (f) Audit Validasi Program Akademik
- (g) Audit Lokasi/Permis Pengendalian Program Akademik UTM
- (h) Audit Akreditasi Program Akademik UTM
- (i) Audit Pematuhan Program Akademik UTM
- (j) Audit Pengekalan Penjijilan ISO 9001

MESYUARAT SEMAKAN PENGURUSAN BIL. 4

Mesyuarat Semakan Pengurusan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UTMSPACE Bil. 4 yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman telah berlangsung pada 1 November 2021. Menjadi keperluan penting sebelum sesi Audit Luar dilakukan, mesyuarat ini adalah sebagai medium pelaporan hasil daripada dapatan Audit Dalam SPK dan kecukupan sumber organisasi yang berkaitan. Juga turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Barisan Pengurusan Tertinggi UTMSPACE. Ini membuktikan bahawa pihak syarikat amat komited terhadap pembudayaan kualiti dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga di UTMSPACE bagi memastikan segala gerak kerja adalah di dalam ekosistem kualiti perkhidmatan yang ditetapkan.

Cisco Webex Meetings Meeting Info Hide Menu Bar

Edit Share View Audio & Video Participant Meeting Breakout Sessions Help

Speaking: Prof Azlan MD UTMSPACE

Anuar Host, MD
Prof Azlan MD UTMSPACE

Firdah Ab Ghani

hafiz

Ismail

Izwan

Kartika

mashenida

Masaimanodinismail

Sh Munim Ismail

Unmute Start video Share Record Participants Chat

AUDIT PEMATUHAN PENSIJILAN ISO 9001: 2015

Perlaksanaan Audit Pematuhan Pensijilan ISO 9001:2015 UTMSPACE telah dijalankan oleh En. Azfar Abdullah dan En. Too Hing Yew daripada Lloyd's Register Malaysia secara dalam talian pada 8-9 November 2021.

Fokus utama pada audit kali ini adalah tertumpu kepada Pengurusan Program Akademik (Program Asasi, Diploma dan Sarjana Muda) serta Pengurusan Program Pembangunan Profesional.

Terdapat 2 Ketidakpatuhan Minor (Non – Conformance) didapati hasil daripada penilaian yang dilakukan. Perkara ini akan disemak dan dinilai semula pada Audit Pembaharuan Pensijilan yang dijadual akan dilaksanakan pada penghujung tahun 2022. Pihak pengurusan amat mengambil kira dari pelbagai aspek agar syarikat komited dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik.



A screenshot of a Microsoft Teams video conference. The interface shows a grid of nine video feeds of participants. Below the video grid is a Microsoft Word document titled 'Confidential - UTM SPACE'. The document contains several sections of text, including: 'Management of resources, printing, storage and existence of laws papers', 'Person responsible for management system function', 'Person responsible for maintaining Personnel, Quality, Health & Safety', 'Person responsible for maintaining records', 'Handling over documents by employees', '2a. Explanations provided on review event - detail information about the review event, including date, location, duration, organization, & activities and subjects involved, purpose, outcome, recommendations, conclusions, improvements', '2b. Subjects, Matrix of assessment - matrix data showing the scope of the system, areas of assessment, approach & verification, 'Review outcomes', & 'Recommendations', '2c. Assessment - process and results', '2d. Assessment - process and results', and '2e. Assessment - process and results'.



KURSUS PENGURUSAN RISIKO UTMSPACE

Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Risiko dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia, UTMSPACE telah mengadakan Kursus Risk Management, ISO 31000: 2018 secara dalam talian melalui aplikasi Zoom. Kursus yang dikendalikan oleh SIRIM pada 15-16 November telah disertai oleh seluruh Pengurusan UTMSPACE.

Pn. Fauzan Mat Shah sebagai fasilitator telah memberi pendedahan berkaitan prinsip, kebaikan dan pelaksanaan Risk Management dengan kriteria Pensijilan yang baru kepada para peserta. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan awal terhadap kepentingan pengurusan risiko serta meningkatkan lagi tahap pengetahuan peserta berkaitan pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan melaksanakan fungsi dan objektif UTMSPACE.

ding

You are viewing Fauzan MS's screen

View Options

ISO 31000 : 2018

RISK MANAGEMENT

[FAUZAN MAT SHAH]
Consultant
15-16 November 2021

SIRIM STS Best Practice for Inclusive



TRANSFORMASI

TRANSFORMASI - ROSNIZAM

GURUPRO - MAMAT

Norulhudah Zakaria

00-00

**PENYERTAAN UTMSPACE KE KONVENTSYEN KIK PERINGKAT UTM**

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat UTM kali ke 14 telah berlangsung pada 27 Disember 2021. Ia diadakan adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada inovasi yang diperkenalkan oleh PTj UTM dalam menyumbang idea inovatif kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

UTMSPACE melalui Kumpulan Transformasi telah membentang idea berkaitan pembangunan sistem permohonan kemasukan pelajar baharu yang dikenali sebagai Sistem Ambilan Mahasiswa (SAM) .

Seramai sembilan orang ahli dan seorang fasilitator telah menyertai ke konvensyen pada kali ini. Mereka adalah Pn. Norulhuda binti Zakaria selaku Ketua Kumpulan, En. Rosnizam bin Maarof, Pn. Norimaliza binti Mamat, Pn. Faidah binti Ab Ghani, Pn. Nurafidah binti Mohd Noor, En. Muhammad Amirul Hakim bin Mazlan, Pn Nur Aqidah binti Mohd Fauzi, Pn. Noor Faezah binti Osman dan En. Amirul Husni bin Shaarin.

Manakala Pn. Azreena binti Zainal Pengurus Pusat Program Kerjasama (PPK) telah dilantik selaku fasilitator bagi kumpulan ini.




INTERNATIONAL EDUCATION WEBINAR - “Transnational Education: The Way Forward For Malaysia”

Siri ketiga International Education Webinar bertajuk “**Transnational Education : The Way Forward For Malaysia**” telah diadakan pada 25 Oktober 2021. YBrs Prof. Sr. Dr.Hishamuddin Mohd Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTM, telah menyampaikan ucapan tama pada majlis tersebut. Beliau menerangkan secara terperinci tentang plan inisiatif pengantarabangsaan yang sedang, telah dan akan dilaksanakan oleh UTM. UTM melalui UTMSPACE telah berjaya menawarkan lima program secara francais bersama Qaiwan International University, Iraq.

Barisan penceramah pada kali ini adalah terdiri daripada mereka yang arif dalam bidang masing-masing dan mereka adalah Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran, Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof. Rebecca Taylor, Pro Naib Cancelor (ASEAN) & Ketua Pegawai Eksekutif (Malaysia) University of Southampton Malaysia dan Prof. Ir. Dr Lee Sze Wei, Presiden di Tunku Abdul Rahman University College, Moderator bagi sesi kali ini adalah Mr Guy Perring, Pengarah dari I-Graduate Asia.

Prof.Hishamuddin mengucapkan tahniah dan menyampaikan penghargaan beliau kepada Professor Dr. Azlan bin Abd Rahman, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE dan semua kakitangan UTMSPACE, serta peserta-peserta kerana telah menjayakan pengajuran siri webinar pada kali ini. Segala maklumat dan pengalaman daripada penceramah-penceramah jemputan amatlah berharga dan ia boleh dijadikan rujukan kepada semua sebagai panduan.





Participants (333)

1. Dr. Nazri bin Ali

2. Dr. Siti Nur Hanifah Mohd

3. Dr. Azlan bin Ab Rahman

4. Dr. Mohamad Firdaus bin Sulaiman

5. Dr. Syed Hisham Syed Hassan

6. Dr. Mohd Yusof bin Sulaiman

7. Dr. Ahmad Kamalulzaman

8. Dr. Aminah binti Hashim

9. Dr. Mohd Farid bin Sulaiman

10. Dr. Mohd Firdaus bin Sulaiman

11. Dr. Ahmad Kamalulzaman

12. Dr. Aminah binti Hashim

13. Dr. Mohd Farid bin Sulaiman

TAKLIMAT AKADEMIK, PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA, UTM




PROGRAM : MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM SESI 2021/2022

Majlis Aluan Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM Sesi 2021/2022 telah diadakan pada 3 Oktober 2021 Seramai 500 orang pelajar baharu telah diraikan secara dalam talian menerusi aplikasi Webex dan Blackboard.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman telah menyampaikan kata-kata aluan kepada para pelajar. Memetik daripada ucapan yang disampaikan, beliau minta semua pelajar untuk fokus pada misi dan niat mereka untuk menyambung pengajian. Selain itu beliau mengingatkan bahawa tiada jalan singkat untuk berjaya melainkan seseorang itu perlu berusaha untuk mencapai impian. Hargai pengorbanan ibu bapa dan hormati guru dan sesiapa juar yang menyumbangkan ilmu kepada mereka juga diketengahkan. Tambahan beliau lagi, pelajar perlu menjalinkan silaturahim antara sesama untuk mereka berkongsi ilmu dan pengalaman.

Pengerusi SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali turut mengambil kesempatan menyampaikan ucapan aluan beliau dalam majlis tersebut.

Pelbagai taklimat telah di adakan sebagai pengisian majlis dan antaranya adalah taklimat peraturan akademik, taklimat kewangan, taklimat MUET, taklimat PTPTN dan perlindungan insurans pelajar serta taklimat pembelajaran dalam talian. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM bagi Sesi 2021/2022.



WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI SIRI 7/2021 : CAKNA KEBAJIKAN SOSIAL

Sesi Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 7/2021 kali ini telah mengetengahkan isu Cakna Kebajikan Sosial yang disampaikan oleh Cik Nurul Zahrawaini binti Mohamad Nordan pada 5 Oktober 2021. Beliau adalah salah seorang Alumni UTM dari bidang Diploma Pengurusan Teknologi UTM pada tahun 2011.

Beliau kini bertugas sebagai Pengarah di Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Zon Selatan. Beliau telah memberikan perkongsian mengenai isu kebajikan yang melibatkan masyarakat dan solusi untuk saluran bantuan kepada masyarakat khususnya pelajar serta golongan yang tidak berkemampuan




A screenshot of a video conference interface. At the top, there are participant thumbnails for 'Waisi Nordin' (highlighted in green), 'Zuhari', and 'Space 04-HS'. Below the thumbnails is a grid of other participants. On the right side, there is a 'Participants (33)' list with names like 'O. nur', 'NUR UMARAH MUHAMAD', 'nurulzafaran', 'Nurdin', and 'ONGNIAONIN'. A message from 'nurulzafaran' is displayed in the chat area: 'berlangsung boleh kerumusan dalam...'. The bottom of the screen shows standard video conference controls for 'Unmute', 'Share', and 'End'.



PROGRAM : MINGGU MESRA MAHASISWA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPENUH MASA SESI 2021/2022

Minggu Mesra Mahasiswa Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa atau dikenali sebagai 3M bagi Sesi 2021/2022 telah dijalankan pada 12 Oktober 2021. Acara yang berlangsung secara dalam talian ini adalah kerjasama antara UTMSPACE dan beberapa fakulti yang terlibat bagi meraikan pelajar-pelajar sepenuh masa UTM untuk program BGS, BBA, Program Bridging dan juga UTM-IDP.

Antara pengisian majlis adalah ucapan alu-aluan daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengerusi SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali dan juga Pengurus Besar Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi. Selain itu beberapa taklimat penting turut berlangsung pada majlis tersebut dan antaranya taklimat kewangan, taklimat PTPTN dan perlindungan insurans pelajar, taklimat pembelajaran dalam talian dan diakhiri dengan taklimat program



PROGRAM : MELAWAT PELAJAR MENGALAMI MASALAH KESIHATAN

Nur Razimy bin Nor Rashid, pelajar program Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) Pengajian Separuh Masa UTM telah menghidap kanser lelangit tahap 3 yang kini sedang menjalani rawatan di Hospital Pantai Pulau Pinang. Beliau merupakan alumni bagi program Diploma Ukur Tanah, UTM pada tahun 1997.

Pihak UHEPA selaku wakil daripada UTMSPACE telah mengadakan sesi menyantuni pelajar dengan menziarahi beliau pada 27 Oktober 2021. Pengurus Kanan UHEPA telah menyerahkan sedikit sumbangan kepada keluarga Nur Razimy bagi meringankan tanggungan keluarga beliau. Pihak UTMSPACE mendoakan agar beliau segera sembuh dan dapat meneruskan urusan harian seperti sedia kala.

LAWATAN IKHSAN KE RUMAH KELUARGA ALLAHYARHAMAH SITI NUR AYUNI BINTI ARIFFIN PELAJAR DIPLOMA UTM



Pada 13 Oktober 2021, pihak UHEPA telah menerima perkhabaran berkaitan salah seorang pelajar diploma UTM bernama Siti Nur Ayuni binti Ariffin yang telah meninggal dunia akibat daripada jankitan Covid-19. Beliau merupakan pelajar tahun pertama bagi program Diploma Sains Komputer yang telah mendaftar pada semester 1 sesi 2021/2022.

Sehubungan dengan itu, pihak UHEPA yang mewakili UTMSPACE telah menziarahi ahli keluarga Allahyarham pada 28 Okt 2021 di Kelantan. Ahli lembaga pengaroh UTMSPACE iaitu Profesor Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed juga turut serta dalam sesi ziarah ini dan beliau telah menyampaikan sumbangan daripada UTMSPACE kepada keluarga Allahyarham.





G Search

fatien

Fatin Shagita

Hakimi

mazulin

nabilah syafiqah

Nur Surianie

SHABITAH RAMLEY

Zubair

ZUHAIRI

رهنونه

3 Keys to Academic Excellence

- 1) Positive Mindset
 - 1. Take one thing at a time
 - 2. Self encouragement

2) Physical Health

- 1. Body responsiveness
- 2. Good diet

3) Learning Strategy



Unmute

Start video

Share

X

Participants

Chat

WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI SIRI 8/2021: CEMERLANG AKADEMIK DAN CEMERLANG KERJAYA

Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 8/2021 telah berlangsung pada 23 November 2021 (Selasa) oleh Encik Yohanis Aching, merupakan Graduan Terbaik bagi Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa dalam bidang Kejuruteraan Petroleum 2019 dan Alumni UTM. Beliau merupakan Pengurus Besar di Zilicon Teguh telah menyampaikan perkongsian tentang pengalaman sebagai pelajar dan pada masa yang sama mengalas tugas di syarikat sekarang. Sesi yang disiarkan secara dalam talian ini melalui aplikasi webex dan FB live UTMSPACE.

UTMSPACE WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI

SIRI 8/2021

CEMERLANG AKADEMIK DAN CEMERLANG KERJAYA

→ **23** November 2021 (Selasa)
3.00 petang



ENCIK YOHANIS ACHING

Pengurus Besar, Zilicon Teguh

Alumni Sarjana Muda Kejuruteraan Petroleum (2019) UTM

Secara Langsung menerusi



WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI SIRI 9/2021 :
MENJANA KEPIMPINAN BAKAT MUDA

Encik Nasserruddeen Khan Bin Nordin yang merupakan Alumni UTM bagi program Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat) telah dijemput untuk menyampaikan perkongsian dengan topik Menjana Kepimpinan Bakat Muda. Beliau kini bertugas sebagai Felo Perdana di Kementerian Pengangkutan Malaysia. Perkongsian telah disampaikan melalui aplikasi FB Live UTMSPACE dan Webex Live pada 21 Disember 2021.



UTMSPACE WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI

SIRI 9/2021

MENJANA BAKAT KEPIMPINAN MUDA

— • **21** Disember 2021 (Selasa)
3.00 petang



ENCIK NASSERRUDDEEN KHAN BIN NORDIN
Felo Perdana, Kementerian Pengangkutan
Alumni Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat) (2020) UTM

Secara Langsung menerusi



LIVE

Facebook UTMSPACE


Webex : <https://bit.ly/3oQbxVe>
Meeting Number : 2514 679 4588
Password : 20siri921

FB Live UTMSPACE :
<https://www.facebook.com/utmspaceofficial/>

MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SEPENUH MASA UTM SESI 2021/2022

Pada 30 Disember 2021 telah berlangsungnya Majlis Aluan Pelajar Baharu Sesi 2021/2022 secara dalam talian. Seramai 16 orang Pelajar Baharu telah diraikan dalam majlis tersebut. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman yang mengalukan-alukan kehadiran pelajar baharu.

Turut hadir bersama pada majlis tersebut adalah Pengurus SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali. Beliau juga telah menyampaikan ucapan alu-aluan kepada pelajar-pelajar tersebut. Dalam acara tersebut beberapa taklimat penting telah diadakan sepanjang majlis berlangsung. Antaranya adalah taklimat peraturan akademik, taklimat kewangan, taklimat MUET, taklimat PTPTN dan perlindungan insuran pelajar. Turut juga diadakan taklimat pembelajaran dalam talian serta taklimat program mengikut program diploma yang ditawarkan kepada pelajar. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Diploma Pengajian Sepenuh Masa UTM bagi Sesi 2021/2022.





BERHAKKAN DIRI DAN PELAJAR BAHARU UNTUK MENGAMBIL PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM

IN DATA™
CREDITS 100%

BERHAKKAN DIRI DAN PELAJAR BAHARU UNTUK MENGAMBIL PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM


UTMSPACE™

UTMSPACE™


MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM SESI 2021/2022

Pada 31 Disember 2021 telah diadakan Majlis Aluan Pelajar bersempena dengan pendaftaran pelajar baharu bagi Program Diploma Separuh Masa UTM Sesi 2021/2022. Seramai 30 orang pelajar telah diraikan pada majlis tersebut secara dalam talian menerusi Webex.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman. Manakala Pengerusi SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali turut juga bersama dalam majlis tersebut dimana beliau menyampaikan sedikit ucapan bagi meraikan pelajar. Antara taklimat penting sepanjang majlis ini adalah taklimat peraturan akademik dan juga taklimat program mengikut program-program diploma yang ditawarkan. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Diploma Pengajian Separuh Masa UTM bagi Sesi 2021/2022.







MAJLIS ALUAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SEPENUH MASA UTM SESI 2021/2022

Pada 30 Disember 2021 telah di adakan Majlis Aluan Pelajar Baharu bersempena dengan pendaftaran pelajar baharu bagi Program Diploma Sepenuh Masa UTM Sesi 2021/2022 melibatkan seramai 16 orang pelajar. Majlis yang diadakan secara dalam talian menerusi medium webex yang telah dihadiri oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman bagi mengalukan-alukan kehadiran pelajar baharu.

Turut hadir bersama pada majlis tersebut adalah Pengurus SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali. Beliau juga telah menyampaikan ucapan alu-aluan kepada pelajar baharu yang diraikan. Sepanjang majlis tersebut beberapa taklimat penting telah diadakan seperti taklimat peraturan akademik, taklimat kewangan, taklimat MUET, taklimat PTPTN dan perlindungan insuran pelajar. Turut diadakan juga taklimat pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian serta taklimat khas program berdasarkan penawaran program kepada pelajar baharu. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Diploma Pengajian Sepenuh Masa UTM bagi Sesi 2021/2022.